

26 APR 1998

Sukma-Penutup

PM RASMI UPACARA PENUTUP SUKMA KE-7

Oleh: Elmi Rizal Elias

SHAH ALAM, 26 April (Bernama) -- Yang bermula pastinya berakhir -- begitulah Sukan Malaysia (Sukma) ke-7 yang ditutup secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Tertutup Shah Alam malam ini.

Kesedihan, kepiluan dan kegembiraan jelas tergambar pada raut wajah atlit-atlit muda negara selepas berkampung selama sepuluh hari bagi mengejar kilauan pingat dan impian masing-masing.

Selamat datang Pulau Pinang yang bakal menjadi tuan rumah Sukma ke-8 pada tahun 2000 selepas upacara penyerahan bendera kejohanan oleh Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar kepada Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Di Stadium Utama, upacara memadam obor kejohanan dilakukan secara simbolik di mana obor itu dipadamkan secara perlahan-lahan dengan diiringi lagu perpisahan (Auld Lang Syne) dan sebaik sahaja selesai bendera itu dilipat, api dipadamkan.

Selangor, selaku tuan rumah Sukma kali ini, sekali lagi menunjukkan kehebatan mereka apabila dimahkotakan juara keseluruhan Sukma ke-7 untuk menerima Piala Perdana Menteri dari Dr Mahathir.

Tanpa diduga, atlit olahraga Sarawak, Chai Song Lip dan perenang Kuala Lumpur, Ho Hsu Ee mencuri perhatian lebih 10,000 penonton yang mula membanjiri stadium tertutup itu sejak pukul 7.45 malam apabila dipilih sebagai olahragawan dan olahragawati Sukma ke-7.

Upacara gilang-gemilang yang disiarkan secara langsung turut dihadiri oleh Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri-menteri Besar.

Upacara itu juga mempunyai keistimewaannya tersendiri berbanding dengan Sukma yang lepas kerana upacara penutup itu diadakan di kawasan tertutup.

Selepas sahaja upacara penutup itu, penonton-penonton kemudiannya dihiburkan oleh penyanyi terkenal tanahair, Siti Nurhaliza.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata atlit-atliti negara perlu menanamkan semangat yang tinggi dan berusaha bersungguh-sungguh kerana ia tidak mustahil untuk mencapai kejayaan kerana masyarakat negara ini membuktikan mereka boleh menawan Gunung Everest dan melakukan penerjunan di Kutub Utara.

"Rakyat Malaysia tidak kurang satu apa pun...kita pernah tawan Gunung Everest dan juga Kutub Utara," katanya.

-- BERNAMA

ERE ZB